

03 OCT 2002

Makanan-Genetik/I

MAKANAN YANG DIUBAHSUAI SECARA GENETIK SELAMAT, KATA PAKAR

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Kontroversi mengenai keselamatan makanan yang diubahsuai secara genetik (GM) akan tinggal sejarah apabila orang ramai menyedari ciri-ciri penting dan kelebihannya, kata seorang pakar bioteknologi hari ini.

Terence Lau, Ketua Pegawai Operasi Hong Kong DNA Technology Ltd (HKDNA), yang mengkhusus dalam menguji produk-produk makanan GM sebelumnya dipasarkan berkata, jika dikaji asas-asas makanan GM, orang ramai akan dapati ia sebenarnya teknologi yang baik.

"Makanan GM boleh bantu orang ramai mendapat pulangan lebih baik daripada produktiviti dengan mengubahsuai gen. Kita juga boleh memperkenalkan makanan tertentu yang diperlukan oleh tubuh manusia seperti asid amino dan juga vitamin-vitamin. Ini sangat penting khususnya di negara-negara yang dilanda kebuluran seperti Afrika di mana mereka sangat-sangat memerlukan makanan berkualiti tinggi untuk menyediakan zat makanan yang cukup untuk penduduk," kata beliau kepada Bernama di Persidangan Bursa Teknologi Asia 2002 di sini, hari ini.

Lau menyampaikan sebuah kertas kerja bertema "Menghadapi Cabaran Pelabelan GMO Dan Persijilan Organik Bagi Minyak Sawit, Eksport Makanan dan Pertanian" di persidangan dua hari itu yang berakhir esok.

Beliau berkata kontroversi berhubung sejauh mana selamat makanan GM dicituskan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Greenpeace, Friends Of The Earth dan pelbagai pihak yang mendakwa memperjuangkan keselamatan umat manusia dan alam sekitar.

Kata-kata Lau adalah sama seperti apa yang dikatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa semasa merasmikan persidangan Bio Malaysia 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Dalam ucaptamanya, Dr Mahathir berkata masyarakat antarabangsa harus mempertimbangkan dengan serius perakuan bagi makanan GM jika ia boleh menyelesaikan masalah kebuluran di negara-negara miskin seperti Afrika.

Lau berkata makanan GM dikeluarkan dengan banyak di Amerika Syarikat dan telah membuktikan pelbagai kelebihan seperti rintangan tinggi terhadap mahluk perosak, kemarau, boleh tahan garam, suhu dan yang paling penting, peningkatan berganda dalam hasil.

Amerika mewakili 69 peratus daripada pengeluaran global bahan makanan yang diubahsuai daripada segi genetik diikuti oleh Argentina dengan 23 peratus; Kanada, tujuh peratus; China, satu peratus; dan lain-lain satu peratus.

Lau berkata adalah jelas, mengapa Amerika meminta Kesatuan Eropah (EU) untuk menarik balik peraturan ketat terhadap makanan GM. Antara peraturan di bawah Peraturan Pelabelan Makanan EU (pindaan) 1999 memerlukan organisme yang diubahsuai secara genetik (GMO) ditandakan dengan jelas pada bungkusannya.

Australia, New Zealand, Jepun, Korea dan Taiwan juga mengenakan peraturan ketat terhadap produk-produk GMO, katanya.

"Dalam cara tertentu, peraturan-peraturan ini adalah baik kerana ia memaklumkan pengguna mengenai ciri-ciri makanan. Selepas itu, terpulang kepada orang ramai sama ada mereka mahu memakannya atau tidak," kata Lau.

Lau membuat kesimpulan sehingga hari ini, satu-satunya cabaran yang dihadapi oleh makanan GM ialah keraguan masyarakat dan inipun akan hilang mengikut peralihan masa.

-- BERNAMA

RBZ ZS PR